

31/01/1999

Pak Habib menulis untuk perjuangkan kebenaran

SYED HUSSEIN AL-ATTAS atau SH Al-Attas atau Pak Habib ialah seorang penulis buku politik semasa yang popular dan kontroversi di kalangan tokoh politik tempatan.

Beliau yang pernah menjadi penulis sambilan Utusan Malaysia berjinak-jinak dalam bidang penulisan dengan menyumbang cerpen kepada Radio Singapura. Beliau juga menghasilkan karya untuk majalah Massa, Berita Filem, Filem Malaysia dan Mastika.

Syed Hussein, 57, menjadikan kediamannya, Wadi Hussein di sebuah kawasan seluas lapan hektar di Janda Baik dekat ibu kota sebagai tempat beristirahat untuk berkarya.

Wadi Hussein yang hening dikelilingi ratusan spesies tumbuh-tumbuhan memenangi Anugerah Landskap dan Rumah Tradisi Malaysia 1998.

Ia memberikannya kedamaian bukan saja untuk berkarya, malah mengadakan perbincangan dengan rakan dan pelajar yang membuat penyelidikan pada hujung minggu.

Pada awal kerjayanya, Syed Hussein membuat ramalan mengenai bintang filem dan anak wayang, tetapi kini beliau menelah masa depan orang politik.

Judul buku pertama beliau ialah Firasat (Rahsia Mengenal Diri) yang diterbitkan pada 1969 dan pernah diterbitkan semula sehingga mencecah 30,000 naskhah, tidak termasuk yang dicetak rompak.

"Buku itu memuatkan ramalan mengenai pergolakan politik dan orang politik tanah air, tetapi tidak semua tepat," katanya.

Menurut Syed Hussein, judul bukunya yang paling laris selepas itu ialah Siapa Lawan Siapa (Challenger) (1987) sebanyak 30,000 naskhah.

Selain itu, buku lain yang laris ialah Musa Derhaka (1986), The Five Hundred Million Dollarman (1997) dan Mahathir Konspirasi, Anwar Reformasi (1998) yang baru saja diterbitkan. Jualan buku berkenaan mencecah 20,000 naskhah.

Syed Hussein mengumpul bahan penulisannya melalui kenalannya. "Mereka banyak mengetahui perilaku seseorang pemimpin. Mereka datang, jumpa Pak Habib. Mereka beri fakta, gambar atau salinan surat untuk didedahkan dalam buku berkenaan," katanya.

Menurutnya, beliau menulis secara jujur dan membuat penilaian secara rasional.

"Pak Habib menulis semata-mata kerana berdakwah serta untuk memperjuangkan hak. Segala kepincangan atau salah laku seseorang pemimpin dibongkar untuk pengetahuan masyarakat kerana penulis wajib menyampaikannya kepada pembaca."

"Masyarakat dahagakan cerita sebenar mengenai pergolakan politik tanah air," katanya.

Syed Hussein lebih kreatif ketika berkarya dengan menulis tangan saja. Selepas itu, manuskrip berkenaan ditaip semula dalam komputer oleh kakitangan syarikatnya sebelum melalui proses penerbitan.

Ini berbeza dengan penulis seperti Sayuti dan Yahya yang mengarang dengan menggunakan komputer.

(END)